



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



HUBUNGAN ANTARA GAYA PEMBELAJARAN DAN TEMPOH
WAKTU FOKUS: IMPLIKASI TERHADAP PEMBELAJARAN
BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ANTARABANGSA

*THE RELATIONSHIP BETWEEN LEARNING STYLE AND FOCUS TIME PERIOD:
IMPLICATIONS FOR LEARNING MALAY AS AN INTERNATIONAL LANGUAGE.*

Nurul Imtiaz Abd Gani^{1*}, Zeety Kartini Abdul Hamid², Nurazwani Zakaria³

¹ School of Languages, Civilisation and Philosophy, Universiti Utara Malaysia, Changlun 06010, Kedah, Malaysia.
Email: nurulimtiaz@uum.edu.my

² School of Languages, Civilisation and Philosophy, Universiti Utara Malaysia, Changlun 06010, Kedah, Malaysia.
Email: kartini@uum.edu.my

³ School of Languages, Civilisation and Philosophy, Universiti Utara Malaysia, Changlun 06010, Kedah, Malaysia.
Email: nurazwani@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.04.2024

Revised date: 13.05.2024

Accepted date: 15.06.2024

Published date: 30.06.2024

To cite this document:

Gani, N. I. A., Hamid, Z. K. A., & Zakaria, N. (2024). Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dan Tempoh Waktu Fokus: Implikasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Antarabangsa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (54), 447-462.

DOI: 10.35631/IJEPC.954033

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Mempelajari bahasa baharu boleh menjadi pengalaman yang mencabar kepada pelajar. Dalam dunia global hari ini, keupayaan untuk berkomunikasi secara berkesan dalam Bahasa Melayu menjadi semakin penting, terutamanya bagi pelajar antarabangsa untuk berkomunikasi dengan pelajar tempatan. Walau bagaimanapun, mempelajari bahasa baharu memerlukan masa dan usaha, dan pelajar mempunyai kesukaran untuk mengimbangi pembelajaran bahasa dengan komitmen akademik dan peribadi. Selain itu, ada pendapat yang mengatakan bahawa pelaksanaan kelas dalam tempoh yang panjang secara berterusan boleh mengurangkan minat dan fokus pelajar dalam kelas. Ini berlaku kerana jangka masa yang panjang boleh menyebabkan pelajar menjadi lelah dan bosan, dan keadaan ini juga akan membawa kepada kurang pemahaman kepada kandungan pembelajaran yang akan memberi impak negatif kepada pelajar itu sendiri. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menyelidik hubungan antara tempoh waktu fokus dan gaya pembelajaran pelajar antarabangsa dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini berpandukan kepada Teori Dunn & Dunn (1992) dan Model ARCS (Keller, 1984). Data dikumpulkan melalui soal selidik yang diedarkan kepada pelajar antarabangsa di Universiti Utara Malaysia (UUM). Soal selidik mengandungi pertanyaan berkaitan dengan tempoh waktu fokus pelajar semasa menjalani sesi pembelajaran Bahasa Melayu dan gaya pembelajaran. Analisis kajian adalah menggunakan pendekatan kuantitatif, iaitu pengumpulan data menggunakan instrumen soal selidik secara dalam talian (Google form).

Kesimpulannya, pemahaman terhadap tempoh waktu fokus dan gaya pembelajaran pelajar antarabangsa dapat membantu para pendidik dan pembimbing dalam merancang strategi pengajaran yang lebih efektif dan sesuai dengan keperluan individu pelajar. Ini juga memberi implikasi penting dalam merancang kurikulum Bahasa Melayu yang lebih inklusif dan berkesan dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia.

Kata Kunci:

Gaya Pembelajaran, Tempoh Waktu Fokus, Bahasa Melayu, Pelajar Antarabangsa

Abstract:

Learning a new language can be a challenging experience for students. In today's world, being able to communicate successfully in Bahasa Melayu is becoming more crucial, particularly for foreign students interacting with local students. However, learning a new language requires time and effort, and students struggle to balance language learning with academic and personal commitments. In addition, there is a viewpoint that the implementation of classes for a long period of time can lower students' interest and attentiveness in class. This due to a long period of time which can cause students to become tired and bored, and this situation will also lead to a lack of understanding of the learning content which will have a negative impact on the students themselves. Therefore, this study aims to investigate the relationship between the focus time period and the learning style of international students in learning Malay language. This study is based on Dunn & Dunn's Theory (1992) and the ARCS Model (Keller, 1984). Data was collected through a questionnaire distributed to international students at Universiti Utara Malaysia (UUM). The questionnaire contains questions related to the duration of the student's focus during the Malay language learning session and learning style. The analysis of the study is using a quantitative approach, which is data collection using an online questionnaire instrument (Google form). In conclusion, an understanding of the focus period and learning style of international students can help educators and counselors in planning more effective teaching strategies that suit the individual needs of students. This also has important implications in designing a more inclusive and effective Malay language curriculum in the context of higher education in Malaysia.

Keywords:

Learning Style, Focus Time Period, Malay Language, International Students

Pengenalan

Mempelajari bahasa baharu boleh menjadi pengalaman yang mencabar kepada pelajar. Dalam dunia global hari ini, keupayaan untuk berkomunikasi secara berkesan dalam pelbagai bahasa menjadi semakin penting, terutamanya bagi pelajar prasiswazah untuk memasuki alam pekerjaan. Walau bagaimanapun, mempelajari bahasa baharu memerlukan masa dan usaha, dan pelajar mempunyai kesukaran untuk mengimbangi pembelajaran bahasa dengan komitmen akademik dan peribadi. Selain itu, ada pendapat yang mengatakan bahawa pelaksanaan kelas dalam tempoh yang panjang secara berterusan boleh mengurangkan minat dan fokus pelajar dalam kelas. Ini berlaku kerana jangka masa yang panjang boleh menyebabkan pelajar menjadi lelah dan bosan, mengakibatkan mereka menjadi tidak fokus dalam kelas. Menurut Heny

Pujiyanto dan Wiwik Sulistiyowati (2016), fokus adalah tingkat konsentrasi seseorang yang hanya memusatkan pada satu permasalahan yang dihadapi dan tujuan yang ingin dicapai, dengan cara memusatkan fikiran hanya pada satu tujuan maka tujuan tersebut akan mudah untuk dicapai.

Ramai penyelidik mendapati bahawa pelajar yang mengikuti kelas yang berpanjangan boleh mengalami masalah fokus dan minat yang lebih rendah dalam proses pembelajaran mereka (Ozkan & Ozkan, 2020; Sevim & Ozkan, 2020). Di samping itu, terdapat juga laporan mengenai kesan negatif pada prestasi akademik pelajar akibat pelaksanaan kelas yang berpanjangan (Cirro, 2018). Dalam Panduan Pelaksanaan PdP yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (3.5.1. Perkara ii (b)) pun memperuntukkan waktu rehat pendek (short break) pada setiap 30 minit sesi PdP (2-5 minit). Oleh itu, apakah tempoh waktu yang ideal bagi seseorang pelajar untuk kekal fokus semasa proses pembelajaran berlaku?

Dalam kajian oleh Nurazwani Zakaria dan rakan-rakan (2023), tempoh waktu fokus ideal bagi pelajar pasca siswazah untuk kekal fokus dalam pembelajaran bahasa adalah selama 60 minit. Untuk pelajar kekal fokus selama 60 minit, gaya pembelajaran yang diadaptasikan kedalam pembelajaran mereka oleh para pengajar memainkan peranan yang sangat penting. Ini adalah kerana gaya pembelajaran dan tempoh fokus belajar adalah dua aspek penting dalam pendidikan yang saling berkait rapat. Setiap individu mempunyai cara tersendiri dalam memahami, memproses, dan mengingat informasi, dan gaya pembelajaran ini boleh mempengaruhi sejauh mana mereka boleh mengekalkan fokus semasa belajar.

Namun kajian yang melihat kepada gaya pembelajaran dan hubungan dengan tempoh fokus belajar masih kurang dilaksanakan oleh mana-mana pengkaji sehingga setakat kajian ini dilakukan. Kajian oleh Nurazwani Zakaria dan rakan-rakan (2023) juga mendapati kajian-kajian lepas hanya memberi fokus kepada motivasi pelajar yang berkait rapat dengan pencapaian akademik. Dengan memahami gaya pembelajaran dan tempoh waktu fokus pelajar prasiswazah dalam pembelajaran bahasa, pelajar prasiswazah boleh mengoptimumkan pengalaman pembelajaran bahasa mereka dan mencapai matlamat pembelajaran bahasa mereka. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, pengkaji akan meneliti gaya pembelajaran dan kesan kepada tempoh waktu fokus pelajar prasiswazah dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa di Universiti Utara Malaysia. Kajian ini dilihat adalah amat penting untuk menjadi pencetus kepada para pengkaji lain untuk melihat aspek gaya pembelajaran dan hubungan dengan tempoh fokus pembelajaran agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam setiap proses PdP bahasa.

Pemasalahan Kajian

Di Universiti Utara Malaysia, bidang pengajian Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa di tawarkan kepada semua pelajar antarabangsa sebagai kursus teras Universiti. Ini merupakan satu langkah untuk menambah baik tahap penguasaan Bahasa Melayu dan secara tidak langsung menaikkan taraf Bahasa Melayu sebagai bahasa dunia dan juga merupakan satu syarat yang terdapat dalam Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Zamri Mahamod, 2014). Ini bermakna, pelajar antarabangsa yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa kebanyakannya bukan atas kemahuan sendiri tetapi atas keperluan untuk mereka menghabiskan pengajian mereka di UUM. Kesan daripada itu, pembelajaran Bahasa Melayu dilihat sebagai beban kepada pelajar-pelajar ini dan mengakibatkan kepada kurang minat dan kurang motivasi untuk belajar. Namun begitu, teknik pengajaran yang bersesuaian akan

mencetuskan minat belajar dan meningkatkan motivasi pelajar-pelajar antarabangsa ini untuk belajar.

Teknik pengajaran yang bersesuaian perlu mengambilkira gaya pembelajaran pelajar kerana ia mampu meningkatkan kemampuan fokus mereka. Meskipun Bradbury (2016) menjelaskan tiada bukti muktamad tentang berapa lama pelajar dapat memberi fokus dalam kelas, namun seperti yang kita ketahui, tempoh fokus pelajar dalam pembelajaran sangat penting bagi pelajar dan juga tenaga pengajar. Namun sehingga kajian ini dibuat, kurangnya pengkaji yang membuat kajian tentang gaya pembelajaran yang dikaitkan dengan tempoh fokus pelajar, contoh seperti dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan gaya pembelajaran dengan fokus masa pelajar antarabangsa dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Antarabangsa. Maka, menjadi satu keperluan kepada tenaga pengkaji untuk mengenal pasti gaya belajar pelajar antarabangsa ini untuk melihat gaya pembelajaran yang sesuai bagi meningkatkan fokus masa belajar mereka. Pengajar yang bersedia dengan pendekatan yang sesuai sewaktu mengendalikan kelas Bahasa Melayu akan menumbuhkan minat belajar yang tinggi dalam kalangan pelajar antarabangsa sekaligus dapat meningkatkan masa fokus mereka untuk belajar.

Persoalan Kajian

Secara khusus kajian ini cuba menjawab persoalan berikut:

1. Adakah terdapat hubungan antara gaya pembelajaran dengan tempoh waktu fokus dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa?
2. Apakah implikasi gaya pembelajaran terhadap keberkesanan pembelajaran Bahasa Melayu?

Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada beberapa kepentingan yang besar dalam bidang pendidikan dan psikologi kognitif seperti meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, mengenalpasti strategi pembelajaran yang berkesan, menyesuaikan pembelajaran dan meningkatkan pencapaian akademik. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025, merupakan salah satu langkah kerajaan dalam mentransformasikan dasar pendidikan Malaysia ke satu tahap yang lebih tinggi prestasinya. Oleh itu, salah satu tindakan yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kualiti PdP adalah dengan memahami tempoh fokus pelajar, pengajar dapat merancang pengajaran yang sesuai dengan jangka masa yang optimal untuk memaksimumkan pencapaian pelajar. Ini termasuk tempoh sesi pembelajaran, waktu istirahat, dan menyusun aktiviti pembelajaran dengan baik.

Kajian ini juga melihat gaya pembelajaran yang dapat membantu pengajar mengenal pasti gaya pembelajaran yang sesuai di kalangan pelajar antarabangsa dalam mempelajari Bahasa Melayu. Seterusnya, pengajar dapat menyediakan pelbagai kaedah pengajaran yang memenuhi keperluan pelbagai pelajar, meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Pengajar dapat menyesuaikan pengajaran dan bahan pembelajaran untuk memenuhi keperluan pelbagai pelajar. Ini membantu memastikan bahawa setiap pelajar dapat mengakses dan memahami maklumat dengan lebih baik. Merancang pengajaran dan pembelajaran dengan mengambil kira gaya pembelajaran dan tempoh fokus pelajar dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik mereka. Apabila pelajar merasa bahawa tempoh pengajaran sesuai dengan keperluan mereka, mereka cenderung untuk belajar dengan lebih berkesan dan mencapai matlamat pembelajaran dengan lebih baik. Menurut Muhammad, Mazni & Talip, Roslee & Taat, Muhamad Suhaimi (2020), merancang apa yang harus dilakukan sebelum memulakan sesi PdP adalah satu tindakan yang sewajarnya diambil oleh setiap pensyarah supaya mutu

pengajaran lebih efisien dan berkesan serta tidak terpesong dari topik yang dikehendaki oleh sesuatu silibus yang telah ditetapkan.

Kajian Literasi

Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa memerlukan pendekatan yang mendalam dalam memahami gaya pembelajaran pelajar dan bagaimana tempoh waktu fokus mereka mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian-kajian terdahulu memberikan pandangan yang berbeza tetapi saling melengkapi mengenai isu ini.

Menurut artikel Pillana (2020), kebanyakan penyelidik mendapati bahawa fokus pelajar dalam sesi PdP hanya bertahan selama 10 minit. Selepas tempoh ini, pelajar cenderung memikirkan hal-hal di luar kelas, yang mengurangkan keberkesanan pembelajaran. Ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk strategi pengajaran yang dapat memperpanjang tempoh fokus pelajar.

Kajian oleh Cicekci & Sadiq (2019) pula menekankan bahawa masalah tumpuan dalam PdP sering dilihat sebagai masalah disiplin oleh pengajar. Walau bagaimanapun, kajian ini menyimpulkan bahawa masalah tumpuan sebenarnya lebih berkaitan dengan faktor psikologi pelajar dan bukannya sekadar isu disiplin. Mereka mencadangkan bahawa pemahaman yang lebih mendalam tentang faktor-faktor psikologi ini boleh membantu dalam menangani masalah tumpuan pelajar.

Sebaliknya, Dirksen (2012) menyatakan bahawa fokus pelajar dalam sesi PdP biasanya bertahan dalam jangka masa yang lebih pendek, sekitar 7-8 minit. Fokus pelajar boleh dipertingkatkan melalui pendekatan pengajaran yang menyeronokkan dan interaktif. Ini selaras dengan pandangan Posner & Peterson (1990) yang menyatakan bahawa tumpuan adalah keadaan kewaspadaan mental di mana individu memberi perhatian kepada rangsangan tertentu. Dalam konteks ini, pengajaran yang menarik dan relevan dapat meningkatkan keupayaan pelajar untuk fokus dan memahami Bahasa Melayu dengan lebih baik.

Menurut Prakash (2015), apabila pelajar menumpukan perhatian pada aspek-aspek penting dalam sesi PdP, mereka dapat mengabaikan gangguan yang tidak penting dan ini memudahkan proses pembelajaran. Oleh itu, penyediaan lebih banyak masa untuk pengajaran Bahasa Melayu yang berstruktur dan interaktif boleh membawa kepada pencapaian yang lebih baik dan meningkatkan motivasi pelajar untuk terus mempelajari bahasa tersebut.

Untuk menyokong pandangan ini, dua teori utama digunakan iaitu Teori Dunn & Dunn (1992) dan Model ARCS (Keller, 1984). Teori Dunn & Dunn menekankan bahawa pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza dan pengajar perlu menyesuaikan pendekatan pengajaran mereka untuk memenuhi keperluan individu pelajar. Ini termasuklah faktor-faktor seperti persekitaran, emosi, sosiologi, fizikal dan psikologi. Manakala Model ARCS oleh Keller pula menekankan pentingnya empat elemen utama dalam meningkatkan motivasi pelajar: Attention (perhatian), Relevance (kebersesuaian), Confidence (keyakinan), dan Satisfaction (kepuasan). Dengan menggabungkan kedua-dua teori ini, pengajar dapat merancang sesi PdP yang lebih berkesan dengan menyesuaikan gaya pengajaran mengikut keperluan pelajar dan memastikan setiap elemen motivasi dipenuhi.

Secara keseluruhannya, hubungan antara gaya pembelajaran dan tempoh waktu fokus mempunyai implikasi yang signifikan terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa

antarabangsa. Dengan memahami dan mengaplikasikan pendekatan yang sesuai, pengajar dapat meningkatkan keberkesanan PdP dan membantu pelajar mencapai potensi penuh mereka dalam mempelajari bahasa tersebut.

Teori Dunn & Dunn (1992)

Kajian ini merujuk kepada teori Dunn & Dunn (1992). Model gaya pembelajaran Dunn dan Dunn ini dikemukakan oleh Dr Rita Dunn dan Dr. Kenneth Dunn pada tahun 1992. Teori ini merujuk kepada gaya pembelajaran seseorang pelajar yang bergantung kepada rangsangan mengikut unsur - unsur yang disukainya. Dunn & Dunn menyatakan gaya pembelajaran seseorang pelajar bergantung kepada lima faktor seperti persekitaran, emosi, sosiologi, fizikal dan psikologi.

Persekitaran

Faktor persekitaran langsung seperti bunyi, cahaya, suhu dan reka bentuk amat mempengaruhi pembelajaran seseorang. Ada sesetengah pelajar suka belajar di tempat yang sunyi dan tenang, tetapi ada orang yang suka memasang radio sementara mereka membaca buku. Ada pelajar merasa tempat yang bercahaya dan suhu yang tinggi amat sesuai untuk belajar, namun ada murid tidak suka tempat yang cerah. Reka bentuk seseorang juga banyak mempengaruhi gaya pembelajaran individu sendiri. Sebagai contoh, murid yang mempunyai ciri introvert adalah berbeza dengan murid yang berpersonaliti ekstrovert. Bagi pelajar yang suka belajar di tempat informal misalnya sebuah kerusi berkusyen, katil atau lantai, mereka lebih cenderung kepada personaliti ekstrovert, manakala bagi murid yang suka belajar di tempat formal seperti di tempat yang berstruktur misalnya atas meja dan kerusi, mereka dikaitkan mempunyai personaliti introvert.

Emosi

Emosi merujuk kepada perasaan seseorang itu. Rangsangan emosional terdiri daripada elemen-elemen seperti motivasi, kecekalan, tanggungjawab, dan struktur. Motivasi seseorang merupakan daya penggerak utama yang menjamin kejayaan seseorang. Motivasi dibahagikan kepada dua jenis iaitu motivasi ekstrinsik dan motivasi intrinsik. Motivasi ekstrinsik adalah motivasi yang dipaksa atau didesak untuk mendapatkan ganjaran atau markah yang tinggi manakala motivasi intrinsik adalah motivasi yang lebih kepada dorongan dalaman seperti keperluan, sikap dan emosi yang semula jadi yang menyebabkan mereka turut serta dalam proses pembelajaran. Struktur adalah suatu peraturan yang spesifik yang digunakan untuk melaksanakan tugas atau kerja. Arahan pengajar yang jelas dan berstruktur penting kepada pelajar dalam proses pembelajaran tetapi ada sesetengah pelajar suka gaya pembelajaran yang bebas. Oleh itu, tenaga pengajar harus memberi perhatian kepada pelajar yang mempunyai pelbagai jenis gaya pembelajaran sendiri. Sementara itu, sesetengah pelajar berasa dirinya mempunyai tanggungjawab yang besar dalam belajar tetapi ada sesetengah pelajar tidak mempunyai tanggungjawab dalam proses pembelajaran dan seterusnya akan menyebabkan mereka mengabaikan pembelajaran mereka.

Sosiologi

Faktor sosiologi dipengaruhi oleh diri, pasangan, rakan dan lain-lain. Terdapat pelajar yang suka bersendirian tanpa bergaul dengan orang lain kerana mereka percaya mereka dapat belajar tanpa gangguan orang lain. Manakala ada pelajar yang suka belajar secara berpasangan kerana mereka dapat berinteraksi dua hala. Belajar secara kumpulan juga merupakan gaya pembelajaran yang popular kerana pelajar akan memberi pendapat masing-masing. Bagi faktor

orang dewasa pula, banyak dipraktik di sekolah atau di rumah. Gaya pembelajaran ini amat berkesan bagi pelajar dalam proses pembelajaran.

Fizikal

Rangsangan fizikal terdiri daripada persepsi pancaindera, makanan, minuman, waktu belajar dan pergerakan. Pelajar akan menggunakan kesemua pancaindera dalam proses pembelajaran. Pelajar akan mendengar dan mengingat semasa proses pembelajaran. Visual pula membolehkan pelajar belajar melalui buku-buku yang dipenuhi dengan ilustrasi dan gambar. Taktual adalah melalui sentuhan semasa pembelajaran dan kinestetik melalui hasil kerja dan pergerakan. Biasanya makan dan minum sementara belajar kerana dapat mengurangkan tekanan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat pelajar yang hanya dapat belajar pada waktu pagi sahaja dan ada yang dapat memberi perhatian pada waktu perdananya sendiri.

Psikologi

Psikologi yang menekankan reflektif dan impulsif, global dan analitikal. Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran impulsif suka belajar dan tidak suka membuat sebarang persediaan awal. Individu yang bersifat reflektif sangat prihatin dan berfikir mendalam sebelum melibatkan diri dalam proses pembelajaran kerana mereka akan berhati-hati semasa membuat sesuatu. Pelajar jenis analitikal suka belajar dalam persekitaran yang cerah dan lebih formal manakala pelajar jenis global lebih suka belajar secara tidak formal. Otak manusia terbahagi kepada dua bahagian, iaitu otak kiri (HOKI) dan otak kanan (HOKA). Otak kiri manusia mengawal tindakan manusia dari aspek bahasa, matematik, logik, dan sebagainya manakala otak kanan pula berfungsi dalam aspek bentuk, ruang, lukisan dan sebagainya. Model Dunn & Dunn (1992) telah menunjukkan individu mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza berdasarkan kecenderungan belajar individu masing-masing.

Model ARCS (Keller, 1984)

Model ARCS adalah model pembelajaran yang dikembangkan oleh John Keller pada tahun 1984. Model ini menyepadukan motivasi ke dalam pengajaran, dengan empat kategori iaitu Perhatian, Relevan, Keyakinan dan Kepuasan. Model ini menekankan pentingnya untuk menciptakan lingkungan pembelajaran yang menarik perhatian pelajar, relevan dengan pengalaman mereka, memberikan rasa percaya dalam diri untuk belajar, dan berpuas hati dengan pengalaman pembelajaran. Model ini juga menekankan pentingnya menciptakan suasana yang menyenangkan untuk belajar yang akan membantu pelajar dalam mencapai tujuan pembelajaran yang telah ditentukan. Keller (2000) mengatakan bahawa setiap pendidik mengetahui cabaran untuk merangsang dan mengekalkan motivasi pelajar dan kesukaran mencari kaedah yang boleh dipercayai dan tepat untuk memotivasikan pelajar. Model ARCS ialah model untuk menganalisis kategori motivasi dan kemudian merekabentuk strategi yang sesuai berdasarkan analisis ini. Jadi model ARCS ialah model motivasi dan juga pengajaran. Keller (2000) mengatakan matlamat model ini adalah membantu para pendidik untuk merancang pengajaran dengan lebih efektif serta dapat menciptakan persekitaran pembelajaran yang menarik kepada pelajar.

Perhatian

Komponen Perhatian dalam model ARCS (Keller, 1984) adalah komponen terpenting. Model ini memberi tumpuan kepada cara menarik yang digunakan dalam sesi PdP, mengekalkan perhatian pelajar semasa proses pembelajaran serta memfokuskan kepada penglibatan pelajar dalam kelas. Komponen ini merangkumi pemilihan bahan, reka bentuk pengajaran, dan strategi

pembelajaran yang menarik perhatian pelajar, meningkatkan tumpuan, dan menumpukan perhatian kepada bahan yang digunakan di dalam sesi PdP. Ini juga termasuk mengelakkan gangguan, menyediakan maklumat yang relevan dan menarik, dan menyediakan kepelbagaian dalam proses pembelajaran. Ia berdasarkan idea bahawa pelajar perlu terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran untuk belajar dengan berkesan. Ini boleh dilakukan melalui penggunaan visual yang menarik, topik yang berkaitan dan aktiviti yang menarik.

Relevan

Komponen relevan merujuk kepada cara, bahan dan aktiviti pengajaran yang digunakan dan relevan kepada pelajar. Komponen ini juga penting kerana pelajar lebih cenderung untuk terlibat dan bermotivasi apabila mereka boleh mengaitkan bahan dan aktiviti dan mendapati ia bermakna kepada mereka. Komponen relevan boleh dicapai melalui penggunaan contoh dunia sebenar, cerita peribadi dan kajian kes. Selain itu, bahan pengajaran hendaklah disesuaikan dengan pengalaman, minat, dan matlamat pelajar. Dengan menjadikan bahan yang digunakan relevan kepada pelajar, mereka akan lebih cenderung untuk terlibat di dalam sesi pembelajaran.

Keyakinan

Komponen Keyakinan direka untuk menggalakkan pelajar mengekalkan sikap positif dalam proses pembelajaran mereka. Komponen ini adalah berdasarkan idea bahawa pelajar perlu berasa yakin dengan keupayaan mereka untuk menyelesaikan tugas agar terus bermotivasi untuk belajar. Untuk meningkatkan keyakinan pelajar, model ARCS mencadangkan agar pengajar menyediakan objektif kursus yang jelas. Pengajar juga harus memberikan maklum balas yang menggalakkan. Matlamat utama komponen Keyakinan adalah untuk mewujudkan persekitaran kepercayaan dan sokongan supaya pelajar boleh berasa selesa untuk mengambil risiko dan meneroka idea baharu.

Kepuasan

Komponen kepuasan dalam model ARCS direka untuk memastikan bahawa pelajar berpuas hati dengan pengalaman pembelajaran. Ia melibatkan pemberian maklum balas positif kepada pelajar, mengukuhkan usaha mereka, dan membolehkan mereka mencapai kejayaan. Komponen kepuasan juga melibatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti yang bermanfaat dan menyeronokkan, serta memberikan mereka rasa pencapaian. Ini dapat dilakukan dengan memberikan pengiktirafan pencapaian, menawarkan ganjaran, dan meraikan kejayaan yang dicapai. Akhir sekali, ia juga menyediakan pelajar dengan peluang untuk menilai diri sendiri untuk membantu mereka mengenali kemajuan yang telah mereka capai.

Kajian ini mencadangkan bahawa faktor-faktor gaya pembelajaran (persekitaran, emosi, sosiologi, fizikal, psikologi) menurut Teori Dunn & Dunn secara langsung mempengaruhi tempoh waktu fokus pelajar. Untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran, Model ARCS (Keller) menambah elemen perhatian, relevan, keyakinan, dan kepuasan dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran. Dengan mempertimbangkan kedua-dua aspek ini, pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa dapat dipertingkatkan, secara tidak langsung memastikan pelajar antarabangsa dapat belajar dengan lebih berkesan dan bermotivasi.

Objektif Penyelidikan

1. Mengetahui hubungan antara gaya pembelajaran dengan tempoh waktu fokus dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa.
2. Mengetahui implikasi gaya pembelajaran pelajar terhadap keberkesanan pembelajaran Bahasa Melayu dalam konteks menjadi bahasa antarabangsa.

Kaedah Penyelidikan

Kajian ini menggunakan pendekatan pengumpulan data menggunakan instrumen soal selidik secara dalam talian (*Google form*). Responden yang dipilih merupakan pelajar antarabangsa (prasiswazah) yang mengikuti kursus-kursus Bahasa Melayu sebagai bahasa asing di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia. Borang soal selidik mengandungi soalan demografi dan juga soalan untuk mendapatkan maklumat yang menunjukkan tempoh masa ideal dalam pembelajaran bahasa serta gaya pembelajaran pelajar secara bersemuka. Secara asasnya, borang soal selidik yang dibentuk adalah berdasarkan teori Dunn & Dunn (1992) dan Model ARCS (Keller, 1984). Melalui soal selidik ini akan dapat diketahui gaya pembelajaran pelajar yang bergantung kepada lima unsur seperti persekitaran, emosi, sosiologi, fizikal dan psikologi sekali gus akan menunjukkan tempoh masa ideal pembelajaran Bahasa Melayu secara bersemuka.

Dapatan Kajian

Responden

Jadual 1: Demografi Responden

Jumlah responden	21 orang pelajar antarabangsa
Kursus	Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa
Jantina	9 lelaki
	12 perempuan
Warganegara	Algeria (1)
	Indonesia (20)
Umur	20 tahun (10)
	21 tahun (5)
	22 tahun (3)
	23 tahun (2)
	Lebih dari 23 tahun (1)

Merujuk kepada jadual 1 di atas, terdapat 21 orang pelajar antarabangsa yang telah menjadi responden kajian kepada soalselidik yang dijalankan. 12 orang responden terdiri daripada pelajar perempuan dan 9 orang responden terdiri daripada pelajar lelaki. Pelajar yang menjadi responden terdiri daripada seorang pelajar dari Algeria dan 20 orang pelajar dari Indonesia. Umur responden adalah di antara 20 tahun ke 23 tahun ke atas. Bagi umur 20 tahun, mereka terdiri daripada 10 orang pelajar, umur 21 tahun seramai 5 orang, 3 orang berumur 22 tahun, 2 orang berumur 23 tahun dan seorang berumur lebih dari 23 tahun.

Analisis Kajian

Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dengan Tempoh Waktu Fokus Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Antarabangsa.

Jadual 2: Gaya Pembelajaran - Unsur Persekitaran

No.	Pernyataan	Tempoh Masa	Peratusan	Responden
1.	Saya boleh fokus sepenuhnya dalam pembelajaran Bahasa Melayu di dalam bilik yang berhawa dingin selama	Kurang dari satu jam	52.4%	11
		Lebih dari satu jam	47.6%	10

2.	Saya boleh fokus belajar Bahasa Melayu dengan mendengar muzik selama	Kurang dari satu jam	85.7%	18
		Lebih dari satu jam	28.6%	6
3.	Saya boleh fokus belajar Bahasa Melayu di dalam bilik kuliah yang mempunyai susunan meja yang kemas dan teratur selama...	Kurang dari satu jam	66.7%	14
		Lebih dari satu jam	42.9%	9
4.	Saya boleh fokus belajar bahasa Melayu dengan baik dalam keadaan tempat yang cerah selama...	Kurang dari satu jam	52.4%	11
		Lebih dari satu jam	57.1%	12

Merujuk kepada jadual 2, bagi gaya pembelajaran berpandukan unsur persekitaran, didapati 3 item iaitu item 1, 2, dan 3 menunjukkan peratusan responden yang memilih tempoh kekal fokus adalah kurang daripada satu jam iaitu sekitar 52.4% bagi item 1 (peratusan yang terendah) dan 85.7% bagi item 2 (peratusan yang tertinggi). Manakala bagi item 4 (tempat belajar yang cerah), responden memilih lebih dari satu jam bagi tempoh fokus belajar Bahasa Melayu dengan lebih baik dalam keadaan tempat yang cerah. Selain itu, apabila dilihat secara lebih mendalam item pernyataan 1, 2 dan 3, perbezaan tempoh boleh kekal fokus responden kurang daripada satu jam dengan tempoh kekal fokus lebih daripada satu jam adalah kecil iaitu kurang daripada 5 peratus. Dapatkan ini menunjukkan bahawa responden boleh fokus di dalam pembelajaran Bahasa Melayu kurang dari sejam untuk mereka kekal fokus jika bilik pembelajaran bahasa berhawa dingin, belajar sambil mendengar muzik dan berada di bilik formal di mana mempunyai susunan meja yang kemas dan teratur.

Jadual 3: Gaya Pembelajaran - Fizikal

No.	Pernyataan	Tempoh Masa	Peratusan	Responden
1.	Saya boleh fokus belajar Bahasa Melayu melalui lawatan sambil belajar selama...	Kurang dari satu jam	47.6%	10
		Lebih dari satu jam	52.4%	11
2.	Saya boleh fokus belajar Bahasa Melayu pada bila-bila masa selama...	Kurang dari satu jam	76.2%	16
		Lebih dari satu jam	47.6%	10
3.	Saya boleh fokus belajar Bahasa Melayu sambil melakukan sesuatu (contoh: pusing-pusing pen) selama...	Kurang dari satu jam	81.0%	17
		Lebih dari satu jam	23.8%	5
4.	Saya boleh fokus belajar Bahasa Melayu sambil makan, minum atau mengunyah sesuatu ketika belajar selama...	Kurang dari satu jam	76.2%	16
		Lebih dari satu jam	47.6%	10

Bagi unsur pembelajaran fizikal pula, majoriti responden memilih dengan tempoh kekal fokus kurang dari satu jam bagi item 2, 3, dan 4. Hasil penelitian menunjukkan bahawa peratusan responden memilih tempoh masa kurang dari satu jam adalah sekitar 76.2% bagi item 2 dan 4 (peratusan yang terendah) dan 81.0% bagi item 3 (peratusan yang tertinggi). Manakala, bagi item 1, responden memilih lebih dari satu jam bagi item yang melibatkan fokus belajar Bahasa Melayu melalui lawatan sambil belajar. Melalui dapatan ini boleh

dilihat bahawa pelajar-pelajar antarabangsa yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa di Universiti Utara Malaysia boleh fokus dalam masa yang lebih lama melalui pengalaman secara langsung.

Jadual 4: Gaya Pembelajaran - Sosiologi

No.	Pernyataan	Tempoh Masa	Peratusan	Responden
1.	Saya boleh fokus belajar Bahasa Melayu secara bersendirian selama	Kurang dari satu jam Lebih dari satu jam	81.0% 28.6%	17 6
2.	Saya boleh fokus belajar Bahasa Melayu dengan seorang rakan sahaja selama	Kurang dari satu jam Lebih dari satu jam	61.9% 52.4%	13 11
3.	Saya boleh fokus menyiapkan tugas Bahasa Melayu secara berkumpulan selama	Kurang dari satu jam Lebih dari satu jam	71.4% 38.1%	15 8
4.	Saya boleh fokus belajar Bahasa Melayu bersama orang yang lebih mahir selama...	Kurang dari satu jam Lebih dari satu jam	61.9% 52.4%	13 11
5.	Saya boleh fokus menyiapkan tugas Bahasa Melayu dengan rakan sekelas saya selama...	Kurang dari satu jam Lebih dari satu jam	71.4% 38.1%	15 8
6.	Saya boleh fokus belajar dengan mana-mana cara sekalipun selama...	Kurang dari satu jam Lebih dari satu jam	81.0% 38.1%	17 8

Bagi jadual 4 iaitu gaya pembelajaran berpandukan unsur sosiologi, didapati semua item bagi unsur sosiologi menunjukkan peratusan responden yang memilih tempoh kekal fokus adalah kurang daripada satu jam sekitar 61.9 % bagi item 2 dan 4 (peratusan yang terendah) dan 81.0% bagi item 1 dan 6 (peratusan yang tertinggi). Dari dapatan kajian juga mendapati responden boleh fokus dalam masa yang pendek jika belajar secara bersendirian dan terdapat juga responden yang dapat memberi fokus belajar dengan mana-mana cara sekalipun.

Jadual 5: Gaya Pembelajaran - Emosi

No.	Pernyataan	Tempoh Masa	Peratusan	Responden
1.	Saya boleh fokus menyiapkan tugas Bahasa Melayu sekiranya mendapat ganjaran dalam masa...	Kurang dari satu jam Lebih dari satu jam	85.7% 19.0%	18 4
2.	Saya boleh fokus belajar Bahasa Melayu dalam jangkamasa...	Kurang dari satu jam Lebih dari satu jam	76.2% 23.8%	16 5
3.	Saya boleh fokus membaca bahan rujukan tambahan Bahasa Melayu selama...	Kurang dari satu jam Lebih dari satu jam	81.0% 28.6%	17 6
4.	Saya boleh fokus belajar Bahasa Melayu dalam sesi pembelajaran selama...	Kurang dari satu jam Lebih dari satu jam	66.7% 42.9%	14 9

Merujuk kepada jadual 5 iaitu gaya pembelajaran berdasarkan unsur emosi, hampir sama penelitiannya dengan unsur sosiologi iaitu semua item pernyataan menunjukkan bahawa

responden memilih tempoh kurang dari satu jam untuk mereka kekal fokus. Peratusan responden yang memilih tempoh kekal fokus kurang daripada satu jam adalah sekitar 66.7% bagi item 4 (peratusan yang terendah) dan 85.7% bagi item 1 (peratusan yang tertinggi). Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar antarabangsa yang mempelajari Bahasa Melayu boleh memotivasikan diri mereka untuk belajar apabila menerima ganjaran dan boleh belajar dalam jangka masa yang singkat. Selain itu, mereka juga bertanggungjawab untuk belajar melalui bahan rujukan tambahan dan belajar mengikut jadual waktu yang telah disediakan.

Jadual 6: Gaya Pembelajaran - Psikologi

No.	Pernyataan	Tempoh Masa	Peratusan	Responden
1.	Saya boleh fokus belajar Bahasa Melayu secara menyeluruh selama...	Kurang dari satu jam	66.7%	14
		Lebih dari satu jam	47.6%	19
2.	Saya boleh fokus belajar Bahasa Melayu mengikut topik yang diberikan selama...	Kurang dari satu jam	61.9%	13
		Lebih dari satu jam	42.9%	9
3.	Saya boleh fokus belajar bab-bab dalam Bahasa Melayu selama...	Kurang dari satu jam	71.4%	15
		Lebih dari satu jam	33.3%	7
4.	Saya boleh fokus dalam membina ayat-ayat dalam Bahasa Melayu selama...	Kurang dari satu jam	66.7%	14
		Lebih dari satu jam	42.9%	9
5.	Saya boleh fokus menyiapkan tugas Bahasa Melayu tanpa perlu mengulangkaji selama...	Kurang dari satu jam	71.4%	15
		Lebih dari satu jam	42.9%	9
6.	Saya boleh fokus berfikir untuk menjawab tugas Bahasa Melayu selama...	Kurang dari satu jam	81.0%	17
		Lebih dari satu jam	28.6%	6

Gaya pembelajaran bagi unsur psikologi di jadual 6 pula mendapati semua item 1, 2, 3, 4, 5, dan 6 menunjukkan peratusan responden memilih tempoh kekal fokus kurang daripada satu jam. Peratusan tertinggi adalah 81.0 % bagi item 6. Item 6 menunjukkan pelajar tidak boleh fokus dengan lebih daripada satu jam apabila mereka perlu berfikir untuk menjawab tugas. Data keseluruhan menunjukkan bahawa gaya pembelajaran pelajar dari unsur psikologi adalah kurang dari satu jam untuk mereka kekal fokus dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa di Universiti Utara Malaysia.

Implikasi Gaya Pembelajaran Terhadap Keberkesanan Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Antarabangsa.

Dengan menggabungkan Teori Dunn & Dunn (1992) dan Model ARCS (Keller 1984), kajian ini mendapati beberapa implikasi penting untuk meningkatkan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa. Dari aspek persekitaran, pengajar perlu memastikan persekitaran pembelajaran yang sesuai dengan keperluan pelajar, seperti menyediakan ruang yang sunyi dan cerah bagi mereka yang memerlukannya. Dari segi emosi, motivasi pelajar perlu dijaga dengan memberikan tugas yang jelas dan ganjaran yang sesuai. Pengajaran harus disusun dengan struktur yang fleksibel untuk memenuhi keperluan pelajar yang berbeza. Pembelajaran secara berpasangan atau dalam kumpulan kecil pula boleh membantu meningkatkan fokus dan keberkesanan pembelajaran dari aspek sosiologi. Bahan pembelajaran juga harus

menggunakan pelbagai pancaindera, seperti visual, auditori, dan kinestetik, untuk memenuhi gaya pembelajaran yang berbeza. Pengajar perlu memahami kecenderungan psikologi pelajar, seperti reflektif atau impulsif, dan menyusun aktiviti yang sesuai dengan keperluan ini.

Selain itu, pengajar juga boleh memastikan bahawa bahan pembelajaran adalah menarik, relevan, membina keyakinan, dan memberikan kepuasan kepada pelajar. Ini akan meningkatkan motivasi dan keberkesanan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa. Aspek gaya pembelajaran adalah penting kerana ia boleh menjadi panduan kepada tenaga pengajar untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang sepadan dengan cara pelajar belajar. Sesetengah individu mungkin menggabungkan dua atau lebih gaya pembelajaran, manakala yang lain mungkin lebih cenderung kepada satu gaya sahaja. Oleh itu, tenaga pengajar Bahasa Melayu perlu mengambil kira kepelbagaian ini dalam merancang pengajaran mereka supaya dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa. Pembelajaran akan lebih efektif dan pelajar dapat belajar dengan lebih berkesan. Sebaliknya, jika tenaga pengajar tidak dapat memadankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, ia mungkin menjejaskan prestasi akademik pelajar.

Perbincangan

Kajian ini meneliti hubungan antara gaya pembelajaran dan tempoh waktu fokus dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa. Berdasarkan data yang dikumpulkan daripada responden di Universiti Utara Malaysia, beberapa dapatan penting dapat disimpulkan dimana responden lebih cenderung untuk fokus kurang dari satu jam apabila belajar di bilik berhawa dingin, mendengar muzik, atau berada di bilik kuliah yang kemas dan teratur (formal). Selain itu, hanya dalam keadaan tempat yang cerah, pelajar menunjukkan kemampuan fokus lebih dari satu jam. Perbezaan antara tempoh kurang dari satu jam dan lebih dari satu jam adalah kecil, menunjukkan kebanyakan pelajar lebih selesa dengan sesi pembelajaran yang lebih pendek dalam persekitaran yang dinyatakan. Menurut Jan Bennett (2001) kualiti pendidikan bukan sahaja dinilai daripada mata pelajaran diajar dan tahap pencapaian yang dicapai tetapi juga terhadap persekitaran pembelajaran yang diwujudkan kepada pelajar. Manakala kajian Azza dan Puspitasari (2020) menyatakan prasarana di sekolah seperti ruang kelas dengan penerangan, ventilasi udara yang cukup baik, terdapat penghawa dingin, LCD projektor, papan tulis (papan putih), perpustakaan lengkap dan laboratori dapat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Majoriti responden memilih tempoh kurang dari satu jam untuk kekal fokus apabila belajar sambil melakukan aktiviti fizikal seperti makan, minum, atau melakukan sesuatu seperti pusing-pusing pen. Walau bagaimanapun, apabila melibatkan lawatan sambil belajar, lebih banyak responden mampu fokus lebih dari satu jam. Ini menunjukkan bahawa pelajar lebih gemar mempelajari Bahasa Melayu melalui pengalaman sendiri dan langsung.

Manakala, melalui unsur sosiologi pula, kajian menunjukkan bahawa pelajar lebih cenderung untuk fokus kurang dari satu jam. Aktiviti bersendirian mendapat peratusan terendah, manakala pembelajaran dengan rakan atau secara berkumpulan mendapat lebih banyak sambutan. Ini menunjukkan pelajar antarabangsa lebih gemar belajar dengan orang lain daripada bersendirian, dimana secara tidak langsung meningkatkan interaksi dan perbincangan. Menurut Sulistyawati dan Zuchdi (2016), pelajar bekerjasama dalam bentuk interaksi yang berkesan dengan mengaplikasikan teknik pembelajaran kolaboratif. Apabila pelajar-pelajar dalam kumpulan bekerja secara berpasangan, seorang sedang mendengar manakala seorang lagi sedang membincangkan soalan yang diberikan. Kedua-duanya berusaha bersama-sama

menyelesaikan masalah dengan merumuskan idea mereka, membincangkannya, menerima maklum balas segera dan menjawab soalan. Tambahan dari itu, kajian yang dijalankan oleh Azman Ab. Rahim, et al (2017) dan Bhavani & Zamri (2017) juga mendapati penglibatan aktif dalam kumpulan telah meningkatkan tahap keyakinan diri murid untuk berani mengeluarkan pendapat, bekerjasama dalam keadaan yang harmoni serta menjadikan murid lebih fokus dan bersemangat untuk meneruskan pembelajaran seharian.

Di samping itu, gaya pembelajaran berasaskan emosi juga menunjukkan responden lebih cenderung untuk fokus dalam tempoh kurang dari satu jam. Mendapat ganjaran adalah motivasi utama bagi pelajar untuk kekal fokus dalam tempoh masa yang singkat. Pelajar juga lebih fokus apabila membaca bahan rujukan tambahan dan mengikuti jadual waktu yang telah disediakan. Dalam aspek psikologi, semua item menunjukkan bahawa responden lebih cenderung untuk fokus kurang dari satu jam. Tempoh kekal fokus yang paling rendah adalah apabila mereka perlu berfikir untuk menjawab tugas. Pelajar lebih mudah fokus apabila tugas diberikan mengikut topik atau secara menyeluruh tetapi dalam tempoh masa yang singkat.

Berpandukan kepada teori Dunn & Dunn (1992) dan Model ARCS (Keller 1984), beberapa implikasi penting dapat diambil untuk meningkatkan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa. Antaranya adalah melibatkan persekitaran pembelajaran di mana pengajar perlu menyediakan persekitaran yang sesuai, seperti bilik yang sunyi dan cerah, untuk memenuhi keperluan pelajar. Selain itu, pengajar juga perlu memberi motivasi kepada pelajar dengan memberikan tugas yang jelas dan ganjaran yang sesuai. Struktur pengajaran haruslah fleksibel untuk memenuhi keperluan pelajar yang berbeza kerana terdapat pelajar yang boleh meningkatkan fokus secara berpasangan atau kumpulan kecil. Oleh itu, pengajar perlu lebih peka dalam menggunakan bahan pembelajaran Bahasa Melayu dan memahami kecenderungan psikologi pelajar (reflektif atau impulsif) serta menyusun aktiviti yang sesuai untuk memenuhi gaya pembelajaran pelajar yang berbeza.

Kesimpulan

Kajian ini menekankan pentingnya memahami gaya pembelajaran pelajar antarabangsa untuk meningkatkan fokus dan keberkesanan pembelajaran Bahasa Melayu. Pengajar perlu merancang pengajaran yang sesuai dengan gaya pelajar, menggabungkan pelbagai kaedah untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih efektif. Pelajar lebih fokus apabila berada di persekitaran yang selesa dan mempelajari melalui pelbagai pendekatan. Memahami gaya pembelajaran individu membantu pengajar merancang pengajaran yang lebih berkesan dan memenuhi keperluan pelajar, meningkatkan prestasi akademik serta keberkesanan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa. Ini secara keseluruhan menghasilkan persekitaran pembelajaran yang lebih baik dan efektif di dalam kelas Bahasa Melayu.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia (UUM) khususnya Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah kerana telah memberikan geran penyelidikan universiti untuk kajian bertajuk “Hubungan Antara Gaya Pembelajaran dan Tempoh Waktu Fokus: Implikasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Antarabangsa”. Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sepanjang proses penyelidikan ini.

Rujukan

- Akbari, E., Naderi, A., Simons, R.J. et al. (2016). Student engagement and foreign language learning through online social networks. *Asian. J. Second. Foreign. Lang. Educ.* 1, 4 (2016). <https://doi.org/10.1186/s40862-016-0006-7>.
- Bradbury, N. A. (2016). Attention span during lectures: 8 seconds, 10 minutes, or more? *Advances in Physiology Education*, 40(4), 509–513. Diakses daripada <https://doi.org/10.1152/advan.00109.2016>.
- Bucholz, J. L., & Sheffler, J. L. (2009). Creating a Warm and Inclusive Classroom Environment: Planning for All Children to Feel Welcome, *Electronic Journal for Inclusive Education*, 2 (4).
- Cicekci, M. A., & Sadik, F. (2019). Teachers' and Students' Opinions About Students' Attention Problems During the Lesson. *Journal of Education and Learning*, 8(6), 15. Diakses daripada <https://doi.org/10.5539/jel.v8n6p15>.
- Cirro, P. (2018). The effects of long classes on academic performance. *Journal of Education*, 18(4), 5-18.
- Dirksen, J. (2012). *Design for how people learn*. New Riders.
- Faysley Joca. (2016). Gaya Pembelajaran Dunn & Dunn. Diakses pada 11 April 2023 daripada <https://prezi.com/qjbuazqz03qf/gaya-pembelajaran-dun-amp-dunn/>.
- Ghani, Nur & Mohamad Ashari, Zakiah. (2018). Satu Kajian Tentang Kawalan Diri, Gangguan Belajar-Masa Lapang dan Kesejahteraan Pelajar. *Sains Humanika*. <https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-2.1493>.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2001). Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Pusat Perkembangan kurikulum. Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Panduan Pelaksanaan Jadual Waktu Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah. Diakses daripada <https://www.moe.gov.my/pekeliling/4086-v111-panduan-pelaksanaan-jadual-waktu-pdpr-edited-03022021/file>.
- Mahamod, Z., Nik Yusoff, N. M. R., Embi, M. A., Badusah, J., & A/P Subramaniam, S. (2015). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing Berdasarkan Kemahiran Bahasa dan Gred. *Jurnal Personalia Pelajar*, (17). Retrieved from <https://spaj.ukm.my/personalia/index.php/personalia/article/view/63>
- Muhammad, Mazni & Talip, Roslee & Taat, Muhamad Suhaimi. (2020). Pengaruh Kualiti Pengajaran Dan Pembelajaran Terhadap Kepuasan Belajar Pelajar Kolej-Kolej Swasta Di Sabah. 102-119.
- Pllana, D. (2020). Keeping students' attention active. *Education, Society and Human Studies*, 1(2), 171-182. <http://dx.doi.org/10.22158/eshs.v1n2p171>.
- Posner, M. I., & Peterson, S. E. (1990). The attention system of the human brain. *Annual Review of Neuroscience*, 13, 25–42. <https://doi.org/10.1146/annurev.ne.13.030190.000325>.
- Prakash, J. (2015). What is the importance of attention in learning? Retrieved from <http://www.preservearticles.com/201105206854/importance-of-attention-in-learning.html>.
- Rahim, A. B. A., Bin, I. D. A., & Khairani, M. Z. B. (2017). A Comparative Study on The Effectiveness of Cooperative Learning Method (STAD) Against Traditional Methods in Landscape Painting. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(3), 2222-6990.

- Somasundram, B., & Mahamod, Z. (2017). Keberkesanan Pembelajaran Koperatif Terhadap Pencapaian Dan Motivasi Murid Sekolah Menengah Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 11-23.
- Sulistyawati, N., & Zuchdi, D. (2016). Implementasi teknik pembelajaran kolaboratif dengan variasi media untuk peningkatan hasil belajar di SMPN 2 Kalijambe. *Harmoni Sosial: Jurnal Pendidikan IPS*, 3(1), 50-61.
- Wong Sie Leong. Kemahiran mengambil dan membuat nota. Diakses pada 11 April 2023 daripada <https://wsllcp.wordpress.com/about/>.
- Zakaria, M., Abdul Hamid, Z. K., Abdul Gani, N. I., Mansor, M., & Abdullah, J. (2023). Ideal time for the execution of asynchronous class in language learning T&L session. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (58), 81 – 88.
- Zaki (2012). Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn. Diakses pada 11 April 2023 daripada <https://cikgu-zaki.blogspot.com/2012/06/model-gaya-pembelajaran-dunn-dan-dunn.html>.